

- 1 Apakah yang dikaji dalam ilmu ekonomi?
 - A Mengimbangi keuntungan dengan kos pengeluaran
 - B Menjalankan projek pembangunan untuk kebajikan masyarakat
 - C Menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
 - D Menyelesaikan masalah kehendak dan keperluan manusia dalam kehidupan


- 2 Apakah yang perlu dipertimbangkan oleh Puan Suraya ketika membuat pilihan dalam menggunakan sesuatu barangan?
 - A Untuk menambah tabungan
 - B Untuk mengutamakan keselesaan
 - C Untuk memaksimumkan kepuasan
 - D Untuk meningkatkan perbelanjaan

- 3 Bagaimanakah kerajaan menyelesaikan masalah apa yang hendak dikeluarkan, di negara Malaysia?
 - A Mengawal harga barang
 - B Mengeluarkan barangan awam
 - C Mengehadkan pengeluaran lesen perniagaan
 - D Menggalakkan penggunaan teknologi moden

- 4 Apakah kelemahan yang wujud dalam sistem ekonomi kapitalis?
 - A Individu tidak memiliki harta
 - B Wujud pilihan dalam ekonomi
 - C Agihan pendapatan lebih setara
 - D Pasaran dimonopoli oleh korporat besar

- 5 Pernyataan manakah yang **betul** tentang permintaan berkesan?
 - A Kehendak yang tidak terbatas
 - B Minat terhadap sesuatu barang
 - C Keperluan yang mesti dipenuhi
 - D Keinginan yang mampu dimiliki

- 6 Rajah 1 menunjukkan perubahan permintaan suatu produk.




Rajah 1

Pernyataan manakah yang **betul** tentang rajah tersebut?

- A Pertambahan pendapatan menyebabkan pergerakan titik a ke titik b
 - B Pengurangan pelepasan cukai menyebabkan berlaku pergerakan titik a ke titik b
 - C Penurunan harga dijangka berlaku pada masa depan menyebabkan titik a beralih ke titik b
 - D Peningkatan harga barang penggenap menyebabkan berlaku pergerakan titik a ke titik b
- 7 Pernyataan yang manakah **betul** tentang penguncupan penawaran?
- A Harga barang menurun
 - B Penghapusan subsidi pengeluaran
 - C Peningkatan dalam kos bahan mentah
 - D Harga dijangka menurun pada masa hadapan
- 8 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan keseimbangan pasaran?
- A Lebihan permintaan menyebabkan harga cenderung untuk turun
 - B Harga tidak berubah jika kuantiti penawaran menyamai kuantiti permintaan
 - C Lebihan penawaran berlaku apabila kuantiti diminta melebihi kuantiti ditawarkan
 - D Harga pasaran ditentukan melalui persilangan dua keluk penawaran dalam pasaran

- 9 Rajah di bawah menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu produk.



Rajah 2

Apakah yang menyebabkan perubahan titik keseimbangan E_0 ke E_1 ?

- A Peningkatan harga barang itu
 - B Penggunaan teknologi moden
 - C Pertambahan kuasa beli pengguna
 - D Pemberian subsidi semakin meluas
- 10 Jadual 1 berkaitan keanjalan harga permintaan bagi dua jenis barang.

Barang P	Barang Q
0.6	1.4

Jadual 1

Pasangan yang manakah **betul**?

	Barang	Pernyataan
A	P	Keluk permintaan adalah landai
B	P	Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
C	Q	Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
D	Q	Contoh barang ialah barang keperluan

11 Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barang?

- A Jenis barangan
- B Tambahan kos
- C Mobiliti faktor pengeluaran
- D Ketersediaan stok atau inventori

12 Jadual 2 menunjukkan penawaran barang G oleh Syarikat Hong Hong.


Harga (RM)	Kuantiti yang ditawarkan (unit)
250	400
300	600

Jadual 2

Hitungkan keanjalan harga penawaran barang tersebut apabila harga meningkat.

- A 0.4
- B 0.5
- C 2.5
- D 4.0

13 Rajah 3 menunjukkan keanjalan harga permintaan bagi barang X.




Rajah 3

Pernyataan yang manakah **betul** tentang barang tersebut?

- A Merupakan produk makanan
- B Kegunaan yang pelbagai dalam ekonomi
- C Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
- D Tindakan naikan harga untuk tingkatan jumlah hasil jualan

- 14 Encik Iman membeli satu set perabot di Kedai Perabot Indah dengan bayaran ansuran bulanan sebanyak RM160. Apakah fungsi wang dalam urus niaga tersebut?
- A Alat ukuran nilai dan alat simpanan nilai
 - B Alat bayaran tertunda dan alat ukuran nilai
 - C Alat perantaraan pertukaran dan alat ukuran nilai
 - D Alat perantaraan pertukaran dan alat bayaran tertunda
- 15 Rajah 4 berkaitan dengan fungsi bank pusat.



Rajah 4

- Apakah X?
- A Mengawal inflasi
 - B Menaikkan kadar faedah
 - C Mengawal aliran masuk mata wang
 - D Mengurangkan bekalan wang dalam ekonomi
- 16 Maklumat berikut berkaitan kemudahan pembayaran bank perdagangan.

Puan Shuhada meminta pihak Bank OIC Berhad membayar ansuran pinjaman perumahan beliau pada setiap 25 hari bulan kepada Bank Setia Berhad.

Apakah jenis kemudahan pembayaran tersebut?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

- 17 Antara berikut yang manakah merupakan faedah sampingan dalam pemilihan pekerjaan?
- I Minat
 - II Bonus
 - III Subsidi makanan
 - IV Suasana tempat kerja
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 18 Encik Akhyar seorang pemain bola sepak profesional. Beliau menerima elaun bulanan RM3 500 dan beliau juga membuka sebuah pusat latihan bola sepak di Johor. Apakah jenis pendapatan yang diterima oleh beliau?
- I Upah
 - II Sewa
 - III Faedah
 - IV Untung
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 19 Antara berikut yang manakah kelebihan membeli secara tunai?
- I Mendapat diskaun
 - II Hutang lapuk tidak berlaku
 - III Dapat membeli barang mewah yang mahal
 - IV Menikmati bayaran ansuran bulanan yang rendah
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Jadual 3 menunjukkan pendapatan Puan Syazana pada bulan Jun 2025.


Butiran	RM
Upah	2 000
Sewa diterima	300
Bantuan anak melanjutkan pelajaran ke IPT	1 000
Bantuan awal persekolahan	100
Pemberian anak	180

Jadual 3

Berapakah pendapatan faktor produktif Puan Syazana pada bulan tersebut?

- A RM2 300
- B RM3 300
- C RM3 480
- D RM3 580

21 Gambar 1 menunjukkan satu input yang digunakan oleh sebuah firma.



Gambar 1

Pernyataan yang manakah **betul** tentang input tersebut?

- A Jumlah penggunaan mengikut tingkat output
- B Perbelanjaan yang ditanggung ialah kos berubah
- C Berhubung secara langsung dengan perubahan keluaran
- D Wujud sebelum berlaku pengeluaran barang

22 Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran.

- Kos perlu ditanggung walaupun keluaran sifar
- Perubahan dalam keluaran tidak mempengaruhi kos ini

Antara berikut, yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

- I Pembiayaan jentera
 - II Pembelian bahan mentah
 - III Perbelanjaan ke atas upah buruh
 - IV Bayaran sewa premis perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

23 Jadual 4 menunjukkan kos pengeluaran yang ditanggung oleh sebuah firma.

Butiran	RM
Kos berubah	200
Kos tetap	80
Kos purata	7

Jadual 4

Berapakah jumlah output?

- A 34 unit
- B 40 unit
- C 45 unit
- D 50 unit

24 Antara berikut, manakah yang mempengaruhi produktiviti?

- I Jumlah hasil
 - II Tenaga kerja
 - III Struktur organisasi
 - IV Kepuasan pengguna
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

25 Antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan tentang eksternaliti?

- I Kos yang ditanggung oleh firma
 - II Kos yang terlibat dalam penggunaan barangan
 - III Kesan yang tidak dimasukkan dalam harga pasaran
 - IV Kesan yang diterima oleh pihak ketiga
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

26 Apakah kesan inflasi sederhana terhadap ekonomi negara?

- A** Peluang pekerjaan bertambah
B Pendapatan boleh guna naik
C Tabungan meningkat
D Nilai import naik

27 Pilih kombinasi yang **betul** berkaitan peranan kerajaan dalam ekonomi.

	Peranan Kerajaan	Fungsi
A	Sebagai pengeluar	Mengeluarkan barang ekonomi agar dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
B	Mencapai objektif pertumbuhan ekonomi	Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawal kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan
C	Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negatif	Aktiviti pengeluaran yang semakin pelbagai dalam ekonomi memerlukan pemantauan agar tidak menindas pengguna
D	Mencapai objektif kestabilan harga	Imbangan pembayaran lebihan dapat dicapai jika melebihi pengaliran masuk wang melebihi pengaliran wang keluar

28 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Syarikat Bunga Keladi Sdn Bhd telah memberhentikan ramai pekerja semasa berlaku kemelesetan ekonomi kerana ingin mengurangkan kos perbelanjaan syarikat.

Apakah jenis pengangguran yang dialami oleh pekerja syarikat tersebut?

- A Pengangguran geseran
- B Pengangguran kitaran
- C Pengangguran bermusim
- D Pengangguran berstruktur

29 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

Sejumlah 155 893 orang pekerja telah diberhentikan sejak tahun 2020 hingga Julai 2021.

Sumber: Ubahsuai daripada www.sinarharian.com.my.

Antara yang berikut, tindakan yang manakah boleh dilaksanakan oleh bank pusat untuk mengatasi keadaan tersebut?

- I Menurunkan kadar faedah
 - II Melonggarkan syarat sewa beli
 - III Memendekkan tempoh bayaran balik
 - IV Meningkatkan nisbah rizab berkanun
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

30 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan peranan kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?

- A Membina lapangan terbang baharu
- B Menggalakkan industri penggantian import
- C Memiliki sumber alam semula jadi yang unik
- D Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong

- 31 Pernyataan manakah yang menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?
- A Perluasan pilihan pengguna
 - B Menikmati harga barang yang lebih murah
 - C Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain
 - D Pemindahan dan penggunaan teknologi lebih pesat
- 32 Strategi yang manakah perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan produk tempatan bersaing di peringkat global?
- A Mengawal kadar tukaran asing
 - B Mengurangkan tarif yang sedia ada
 - C Memberi subsidi kepada pengusaha tempatan
 - D Meningkatkan kuota terhadap barangan yang diimport
- 33 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan defisit akaun semasa?
- I Penurunan guna tenaga
 - II Peningkatan taraf hidup
 - III Peningkatan kadar pertukaran asing
 - IV Penurunan dalam pendapatan negara
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 34 Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila
- I. nilai mata wang tinggi di pasaran
 - II. jumlah eksport negara meningkat
 - III. cukai import dari luar negara menurun
 - IV. pemindahan modal ke luar negara merosot
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah,

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Implikasi daripada sesuatu pilihan adalah kekurangan.
 II Kekurangan bagi firma ialah keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
- 36 I Hukum permintaan menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti diminta.
 II Hubungan songsang ditunjukkan oleh keluk yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan.
- 37 I Potongan wajib ialah bayaran yang ditetapkan oleh undang-undang atau diwajibkan dalam rukun Islam.
 II Contoh potongan wajib ialah ansuran sewa rumah.
- 38 I Pengeluaran adalah suatu proses tranformasi input kepada barang perantaraan atau barang akhir.
 II Input tetap hanya berlaku dalam jangka masa pendek.
- 39 I Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesuatu negara dalam tempoh setahun.
 II Firma negara asing yang beroperasi dalam negara dianggap menyumbang kepada KDNK Malaysia.
- 40 I Permintaan ke atas Ringgit Malaysia berhubung secara langsung dengan permintaan ke atas eksport negara.
 II Apabila nilai eksport meningkat, nilai Ringgit Malaysia cenderung turun.

KERTAS SOALAN TAMAT